

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN PB eFD

Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen PB eFD (“Kempen”) yang ditawarkan oleh Public Bank Berhad (“PBB”) kepada pelanggan-pelanggan:-

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **19 Mac 2018 hingga 30 Jun 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati melalui Perbankan Dalam Talian PBe (PBe).

2. Kelayakan

- 2.1 Peserta-peserta yang berikut layak untuk mengambil bahagian ("Peserta yang Layak") dalam Kempen ini:
 - a) Semua pengguna PBe baharu dan sedia ada;
 - b) Pelanggan individu berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh penyertaan yang telah mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (CASA) peribadi konvensional dan telah mendaftar untuk PBe [termasuk kakitangan tetap atau kakitangan kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (PIBB) dan Public Investment Bank Berhad (PIVB)];
 - c) mempunyai tunggal yang telah mempunyai CASA konvensional dan telah mendaftar untuk PBe.
- 2.2 Bukan individu iaitu akaun perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 2.3 Peserta yang Layak mesti mendaftar dalam talian melalui PBe untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan memenuhi kriteria yang berikut:
 - a) Telah mempunyai akaun PBe atau mendaftar untuk akaun PBe baharu di mana-mana cawangan PBB atau ATM PBB yang berhampiran semasa Tempoh Kempen;
 - b) Telah mempunyai akaun eDeposit Tetap (“PB eFD”) atau membuka akaun PB eFD yang baharu melalui PBe dengan peletakan deposit tunggal untuk amaun minimum sebanyak RM5,000 semasa Tempoh Kempen dan peletakan PB eFD itu mesti dibuat melalui PBe;

- c) Mempunyai CASA konvensional untuk dipilih semasa pembukaan akaun PB eFD (“CASA yang Ditetapkan”). CASA yang Ditetapkan akan dirangkaikan kepada Akaun PB eFD bagi tujuan peletakan / pengeluaran / pengkreditan faedah.

3. Butir-butir Kempen ini

- 3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini ialah PB eFD*.

* Layak untuk perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

- 3.2 Amaun peletakan yang diperlukan untuk Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Minimum	:	RM5,000
Maksimum	:	Tiada amaun peletakan maksimum

- 3.3 Kadar faedah promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Tempoh	Kadar Faedah Promosi (% setahun)	
	19 Mac 2018 hingga 31 Oktober 2018	1 November 2018 hingga 30 Jun 2019
3 bulan	3.40	3.40
6 bulan	3.45	3.45
9 bulan	3.50	3.50
12 bulan	3.60	3.80
15 bulan	3.65	3.90

- 3.4 Kadar promosi diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja.
- 3.5 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari yang sebenar.
- 3.6 Faedah akan dikreditkan ke dalam CASA yang Ditetapkan setiap bulan.

3.7 **Peletakan deposit di bawah Kempen ini yang dikeluarkan, sebahagiannya atau sepenuhnya, sebelum kematangannya semasa tempoh tersebut, tidak layak untuk mendapat faedah dan apa-apa faedah bulanan yang dikreditkan sebelum pengeluaran sebelum kematangan PB eFD bagi setiap bulan penuh akan ditolak daripada amaun pokok sebelum jumlah pokok PB eFD dikeluarkan kepada Peserta yang Layak.**

Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan PB eFD diperbaharui.

3.8 Pengeluaran PB eFD hanya boleh dibuat melalui PBe.

3.9 Apabila PB eFD dikeluarkan, jumlah pokok dan faedah yang diperoleh daripadanya (jika ada) akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA yang Ditetapkan.

3.10 Pengeluaran sebahagian daripada peletakan PB eFD adalah **tidak** dibenarkan.

3.11 Sekiranya berlaku perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar faedah promosi kempen ini akan disemak semula.

3.12 Apabila matang, peletakan PB eFD akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh yang sama pada kadar kaunter semasa PBB dengan faedah dikreditkan ke dalam CASA yang Ditetapkan pada setiap bulan.

3.13 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

3.14 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam Produk yang Layak di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf atau kemudahan atau pembiayaan lain.

4. **Hak PBB**

4.1 Tanpa prejudis kepada peruntukan dalam Fasal 3.11 di atas dan melainkan bagi kadar faedah promosi yang dinyatakan dalam Fasal 3.3 di atas yang ditetapkan semasa penyertaan/peletakan tersebut, PBB mempunyai hak dan mengikut budi bicara mutlak mereka untuk meminda, memotong dan/atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui laman web PBB atau melalui apa-apa kaedah komunikasi lain yang PBB anggap sesuai dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan terus mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk terikat pindaan, potongan atau penambahan Terma dan Syarat seumpama itu seperti yang dinyatakan di atas.

4.2 Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen ini oleh PBB tidak memberi hak kepada Peserta yang Layak untuk membuat apa-apa tuntutan atau ganti rugi daripada PBB bagi apa-apa dan semua kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung berikutan daripada perubahan tempoh masa atau tarikh tamat atau tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan itu.

5. Lain-lain

5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta Yang Layak:-

- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan “Terma dan Syarat PB eDeposit Tetap” yang boleh didapati dalam laman web PBB melalui www.pbebank.com, yang sesalinannya telah diberi kepada Peserta Yang Layak. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara terma dan syarat ini dengan “Terma dan Syarat PB eDeposit Tetap” yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak, terma dan syarat ini akan diberi keutamaan dan didahulukan;
- b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Produk yang Layak itu untuk diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini;
- c) akan dianggap telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini dan bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan bahawa tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani;

5.2 Untuk melihat Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima berita mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB dan syarikat gabungan PBB, sila layari www.pbebank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
